

BAB IV

ANALISIS DATA PELAKSANAAN PENGAJIAN AL-QUR'ĀN DI SEKOLAH RENDAH ISLAM SWASTA

BAB KEEMPAT

ANALISIS DATA PELAKSANAAN PENGAJIAN AL-QUR'ĀN DI SEKOLAH RENDAH ISLAM SWASTA

4.0 PENGENALAN

Pengisian bagi bab ini adalah maklumat dan maklum balas dari guru dan murid untuk melihat pelaksanaan dalam sistem pengajian al-Qur'ān, metodologi dan pedagogi perguruan kelas, masalah-masalahnya, cara-cara mengatasi dan penyelesaiannya. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk melihat komitmen guru dan pihak pentadbiran sekolah dalam menjayakan falsafah penubuhannya. Dalam hal ini penyelidik menggariskan sampel²⁴¹ dan populasi kajian. Sampel (contoh am) untuk penyelidikan adalah dari siapakah untuk mendapat data atau maklum balas atau siapakah yang anda ingin libatkan dalam penyelidikan. Sampel adalah sumber untuk mendapatkan data.²⁴² Salinan soal selidik akan diedarkan kepada sampel dan dikumpul serta dianalisis sehingga dapat menghasilkan kesimpulan terhadap sejauh manakah pelaksanaan sistem pengajian al-Qur'ān di sekolah terbabit. Justeru itu, kaedah ini digunakan pada bab keempat dalam kajian ini.

4.1 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Metode merupakan suatu perkara yang penting kerana ia merupakan cara bekerja untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian. Suatu penelitian akan tinggi nilai mutunya apabila metode-metode yang digunakan tepat dan sesuai dengan objek dan tujuannya. Dalam bab ini pengkaji telah menyiapkan penyelidikan lapangan dan penulis telah menggunakan dua metode iaitu;

²⁴¹Idris Awang (2009), *op.cit.*, h.37

²⁴²*Ibid.*,

a. Kaedah Soal Selidik²⁴³ dan Temu ramah

Kaedah Soal Selidik ini digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai kefahaman pelajar di sekolah terbabit terhadap ilmu al-Qur'ān dan pengajiannya. Metodologi dan Pedagogi perguruan dalam pengajaran al-Qur'ān, masalah-masalahnya, cara-cara mengatasi dan penyelesaian. Dalam kaedah ini penyelidik menggariskan sampel dan populasi kajian. Sampel (contoh am) untuk penyelidikan dari siapakah untuk mendapat data atau maklum balas atau siapakah yang anda ingin libatkan dalam penyelidikan. Dalam kajian ini penulis akan menggunakan sampel dalam bentuk kelompok di mana sampel dipilih berdasarkan himpunan populasi bagi murid tahap dua sahaja, dan saiz sampel ialah bilangan unit dalam sampel. Contoh bagi sampel hendaklah sekurang-kurangnya 30 peratus dari jumlah keseluruhan populasinya.²⁴⁴ Di sini jumlah murid 277 orang dari populasi keseluruhan iaitu seramai 558 orang murid bersamaan dengan 56.6%. Manakala bilangan guru yang dijadikan sampel seramai 25 orang dari jumlah keseluruhannya seramai 48 orang iaitu bersamaan 65.5%.

Salinan soal selidik akan diedarkan kepada sampel yang terdiri daripada sebilangan daripada populasi murid dan guru. Salinan tersebut akan dikumpul serta dianalisis sehingga dapat dikenal pasti dan menghasilkan kesimpulan terhadap sejauh manakah keberkesanan murid-murid dari sistem pengajian al-Qur'ān di sekolah terbabit. Justeru itu, kaedah ini digunakan pada bab keempat dalam kajian ini. Cara yang diaplikasikan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian seseorang secara lisan daripada seorang responden adalah dengan menemu bual orang itu. Metode ini merupakan metode pembantu kepada metode observasi. Temu bual atau Wawancara dilakukan terhadap mudir-mudir sekolah dan guru-guru yang ada hubung kait dengan mata pelajaran al-Qur'ān. Metode ini digunakan oleh penulis dalam melakukan

²⁴³Soal selidik dalam kajian digubal oleh penulis serta dibantu dan disemak oleh Mohamad Azrien Mohamed Adnan , Academy of Islamic Studies, University of Malaya Nilam Puri.

²⁴⁴Idris Awang(2009), *op. cit.*, h:85

penyelidikan secara langsung di tempat kajian ini dibuat. Bahan-bahan yang diperoleh melalui metode ini dimuatkan laporan penyelidikan dan penganalisisan dalam bab empat.

4.2 KAJIAN RINTIS

Kajian rintis telah dijalankan bagi menguji kesahan set soal selidik dan melihat kelemahan-kelemahan yang mungkin wujud. Menurut Ahmad Sanuwari²⁴⁵ kajian rintis adalah kajian awalan yang dilakukan sebelum kajian sebenar, menurut Chua²⁴⁶ kajian rintis atau di sebut sebagai ujian rintis perlu dilaksanakan dan dijalankan sebelum instrumen digunakan. kajian rintis dapat mengenal pasti masalah-masalah yang mungkin timbul serta aspek-aspek yang boleh ditambah baik untuk meningkatkan kualiti borang kaji selidik. Bagi memastikan instrumen yang menjadi alat kajian atau kaedah yang akan dilaksanakan mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi mampu mengumpul data sebagaimana yang diperlukan.²⁴⁷ maka penulis melakukan kajian rintis ke atas 30 orang murid dari tiga buah sekolah yang terlibat dan hasil dari pelaksanaan uji rintis ini penulis dapat mengenalpasti kelemahan instrumen dan penulis membaiki, membetulkan serta mengurang dan menambah instrumen soal selidik dan memberi instrumen tersebut untuk di semak oleh pihak yang arif dan pengalaman dalam hal ini²⁴⁸. Dengan melalui proses tersebut penulis benar-benar berpuas hati dengan natijah yang didapati. Hasil penambahaikan yang dibuat, penulis mendapati amat sedikit sekala kesilapan yang dibuat oleh responden hingga mencacat borang soal selidik atau menyebabkan borang soal selidik terpaksa ditolak. Terdapat

²⁴⁵Ahmad Sanuwari Long (2005), *Mengenal Metodologi Penyelidikan pengajian Islam*(Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam UKM 2005) h. 56, 24

²⁴⁶Chua, Yan Piaw (2006), *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku1 & 2 , Asas Statistik Penyelidikan* (Columbas:McGraw Hill Education, 2006), h. 112

²⁴⁷Idris Awang Prof. Madya Dr. (2001) *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*, Akademi Pengajian Islam UM KL : Inter Multimedia and Publication, h. 62

²⁴⁸Ada juga penyelidikan yang tidak melaksanakan instrumennya seperti di atas (uji rintis) tetapi beliau menyerahkan instrumen itu kepada pihak tertentu untuk menilaikannya.... Lihat penerangan lanjut Idris Awang Prof. Madya Dr. (2001) h.62

segelintir responden yang tidak menjawab beberapa soalan dan dibiarkan kosong. Namun jumlah mereka amat kecil. Sebanyak 277 orang borang berjaya dikembalikan kepada penulis diterima untuk dianalisis selepas di edarkan sebanyak 310 naskah borang. Kajian rintis ini dianalisa melalui Statistical Package for Sosial Science versi 21.0 dan diuji menggunakan nilai *Alpha Cronback*. Menurut Zaidatun dan Salleh (2003)²⁴⁹

Kajian rintis adalah kajian awalan yang dilakukan sebelum kajian sebenar. Kajian rintis dapat mengenal pasti masalah-masalah yang mungkin timbul serta aspek-aspek yang boleh ditambah baik untuk meningkatkan kualiti borang kaji selidik. Bagi memastikan instrumen mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang responden. Kajian rintis ini diuji menggunakan nilai *Cronbach Alpha*. Nilai *Alpha* yang lebih tinggi menunjukkan ketekalan responden dalam menjawab soal selidik. Sekiranya nilai pekali tersebut kurang dari 0.60 maka boleh dianggap instrument yang digunakan di dalam kajian mempunyai kebolehpercayaan yang rendah. Berdasarkan Jadual 4.9, setiap pemboleh ubah menunjukkan nilai *Alpha* yang melebihi 0.60 iaitu 0.833 bagi pembolehubah Sikap murid terhadap pelaksanaan pengajian al-Qur'an, 0.829 bagi pembolehubah Tahap keberkesanan murid dalam pengajian al-Qur'an, 0.636 bagi pembolehubah Kaedah pelaksanaan kaedah pengajian al-Qur'an, 0.916 untuk pembolehubah Persepsi murid terhadap sikap guru al-Qur'an. Semakin hampir nilai *Alpha* dengan 1, maka semakin tinggi nilai kebolehpercayaan dan konsistensi jawapan yang diberikan oleh responden. Nilai *Alpha* yang diperolehi di sini menghampiri nilai 1. Ini menunjukkan responden memberikan jawapan secara konsisten dan dapat memberi nilai yang berbeza antara pembolehubah yang berlainan.

²⁴⁹Lihat : Muhammatsoreh Hayisama-ae (2007) *Amalan Pengajaan Nahu di Sebuah Kolej Islam Yala, Thailand*, Laporan penyelidikan fakulti pendidikan , Universiti Malaya, h. 48

Jadual 4.09 : Nilai *Alpha* bagi Setiap Pembolehubah

Pembolehubah	Nilai <i>Alpha</i>	Bil Item
Sikap murid terhadap pelaksanaan pengajian al-Qur'ān	0.833	8
Tahap keberkesanan murid dalam pengajian al-Qur'ān	0.829	8
Kaedah pelaksanaan kaedah pengajian al-Qur'ān	0.636	10
Persepsi murid terhadap sikap guru al-Qur'ān	0.916	4

4.3 ANALISISAN DATA SOAL SELIDIK GURU

Instrumen terdiri daripada soalan-soalan yang dibina oleh penulis dan dibantu oleh penyelia dan penasihat yang berpengalaman dalam soal selidik. Soalan-soalan tersebut mengandungi 29 item. Item-item tersebut dibahagi kepada tiga bahagian iaitu; Bahagian A: Latar belakang guru al-Qur'ān, bahagian B: Tahap keberkesanan responden terhadap pelaksanaan pengajian al-Qur'an, dan bahagian C: Pelaksanaan pengajian al-Qur'ān sekolah rendah Islam swasta.


Soalan-soalan tersebut diedarkan kepada 25 orang responden guru yang mewakili tiga buah sekolah yang terpilih iaitu dari jumlah keseluruhannya seramai 68 orang yang merupakan tenaga pengajar dari darjah 4 hingga darjah 6.. Guru-guru tersebut terdiri daripada guru pakar, guru penyelaras, penyelia, guru tetap dan guru praktikal. Namun, responden dalam kajian ini adalah mewakili 45% daripada jumlah keseluruhan. Penjelasan dan hurai secara terperinci selanjutnya boleh dirujuk pada jadual-jadual, graf-graf dan statistik yang dipaparkan di bawah ini.

4.3.1 Bahagian A : Latar Belakang Guru al-Qur'ān

Jadual 4.10: Jantina

Perkara	Bilangan	Peratus %
Valid Lelaki	6	24.0
Perempuan	19	76.0
Jumlah	25	100.0

Graf 4.01 : Jantina




Berdasarkan jadual 4.10 dan graf 4.01 di atas didapati 19 orang responden mewakili 76% guru perempuan berbanding guru lelaki yang hanya 6 orang bersamaan 24% peratus. Ini kerana lebih ramai guru perempuan yang berminat dan dipertanggungjawabkan mengajar al-Qur'ān.

Jadual 4.11 : Umur

Perkara	Bilangan	Peratus %
Valid 18-23 tahun	5	20.0
24-29 tahun	7	28.0
30 tahun dan ke atas	13	52.0
Jumlah	25	100.0

Graf 4.02: Umur



Berpandukan jadual 4.11 di atas. Kenyataannya adalah bahawa jumlah responden yang paling ramai adalah yang berumur 30 tahun ke atas iaitu dengan bilangan sebanyak 13 orang guru yang mewakili 52%. Diikuti pula dengan umur 24 tahun sehingga 29 tahun ialah seramai 7 orang (28%) adapun yang umurnya kurang dari 24 tahun adalah sebanyak (20%) bersamaan 5 orang.

Jadual 4.12: Peringkat tertinggi pendidikan Anda

	Pendidikan Guru	Bilangan	Peratus (%)
Valid	Sijil Thānawī/SPM/STPM	6	24.0
	Diploma	1	4.0
	Sarjana Muda	2	8.0
	Lain-lain	16	64.0
	Jumlah	25	100.00

Berdasarkan jadual 4.12. kenyataannya adalah bahawa jumlah responden lain-lain adalah paling ramai iaitu 16 orang yang mewakili 64% manakala responden yang paling sedikit ialah Diploma Pendidikan JPN iaitu 1 orang bersamaan 4.0% dan sarjana muda seramai 2 orang (8.0%). Justeru itu, secara keseluruhannya, tenaga pengajar al-Qur'an terdiri daripada pengajian lain-lain merupakan jumlah yang paling ramai di sekolah-sekolah tersebut.


Jadual 4.13 : Status Jawatan

Perkara	Bilangan	Peratus %
Valid Guru Pakar	1	4.0
Guru Tetap	19	78.0
Guru Sandaran Terlatih	3	12.0
Guru Sandaran Tidak Terlatih	2	8.0
Jumlah	25	100.0

Berdasarkan jadual 4.13 dan graf 4.03 di bawah. Kenyataannya adalah berhubung status jawatan guru. Jumlah responden paling ramai iaitu 16 orang yang mewakili 64% sebagai status guru tetap, manakala responden yang paling sedikit ialah status guru pakar iaitu 1 orang (4.0%). Justeru itu, secara keseluruhannya, kebanyakan status guru al-Qur'ān di sekolah-sekolah rendah Islam Swasta adalah guru tetap.

Berdasarkan jadual 4.14 di bawah. Kenyataannya adalah berhubung tahap kemahiran guru dalam membaca al-Qur'ān. Jumlah responden paling ramai iaitu 19 orang yang mewakili 76% sebagai guru yang mahir bacaan al-Qur'ān, manakala responden yang paling sedikit ialah pada tahap sederhana dalam penguasaan bacaan al-Qur'ān iaitu seramai 2 orang (8.0%). Justeru itu, secara keseluruhannya, kebanyakan tahap penguasaan ilmu bacaan al-Qur'ān untuk guru-guru di sekolah-sekolah Rendah Islam swasta ialah guru yang mahir al-Qur'ān.

Graf 4.03 : Status Jawatan



Jadual 4.14 : Tahap Kemahiran Membaca al-Qur'ān


Perkara		Bilangan	Peratus %
Valid	Mahir	19	76.0
	Kurang Mahir	4	16.0
	Sederhana	2	8.0
	Jumlah	25	100.0

Berdasarkan jadual 4.15 dan graf 4.04 di bawah, didapati bahawa jumlah responden yang paling ramai adalah berkhidmat dalam tempoh 1 tahun hingga 3 tahun iaitu seramai 15 orang (50%). Diikuti pula dengan lebih dari 8 tahun ke atas ialah seramai 6 orang (24%). Justeru itu, secara keseluruhannya, tempoh dari 3 tahun ke bawah dalam memberi perkhidmatan sebagai tenaga mengajar adalah melebihi dari separuh berbanding tempoh yang melebihi 4 tahun ke atas.

Jadual 4.15 : Pengalaman Mengajar Kelas al-Qur'ān

Perkara		Bilangan	Peratus (%)
Valid	1-3 tahun	15	50.0
	6-8 tahun	4	16.0
	8 tahun dan ke atas	6	24.0
	Jumlah	25	100.0

Graf 4.04 : Pengalaman Mengajar Kelas al-Qur'ān




Berdasarkan jadual 4.16 dan draf 4.05 di bawah, didapati bahawa jumlah responden yang paling ramai adalah guru mengikuti kursus Iqra' iaitu seramai 14 orang (56%).

Diikuti pula dengan lain-lain kursus ialah seramai 6 orang (28%). Justeru itu, secara keseluruhannya, guru menyertai kursus-kursus Qiraati dan al-Barqi

Jadual 4.16 : Kursus-kursus Pengajaran al-Qur'an yang Pernah Diikuti

	Kursus	Bilangan	Peratus (%)
Valid	Kursus Iqra'	14	56.0
	Kursus Qiraati	2	8.0
	Kursus al-Barqi	2	8.0
	Lain-lain	7	28.0
	Jumlah	25	100.0

Draf 4.05: Kursus-kursus Pengajaran al-Qur'an yang Pernah Diikuti



Jadual 4.17 : Anda Suka/ Seronok dan Berminat Menjadi Guru al-Qur'an

	Perkara	Bilangan	Peratus (%)
Valid	Tidak	3	12.0
	Ya	22	88.0
	Jumlah	25	100.0

Jadual 4.17, penyelidik mendapati guru al-Qur'an menjalankan tugas sebagai guru yang mempunyai sikap yang suka seronok dengan dan berminat menjadi guru al-Qur'an seramai 22 orang atau 88%, dan seramai 3 orang sahaja atau 12% kalangan guru yang tidak seronok dengan menjalankan tugas sebagai guru.

4.3.2 Bahagian B: Persepsi guru terhadap pelaksanaan kelas al-Qur'an

Jadual 4.18 : Kursus pengurusan kelas yang diadakan oleh pihak sekolah adalah dapat membantu menambah ilmu dan kemahiran

Tahap Persetujuan	Bilangan	Peratus (%)
Valid Sangat tidak setuju	2	8.0
Tidak setuju	1	4.0
Setuju	8	32.0
Sangat setuju	14	56.0
Jumlah	25	100.0

Berdasarkan jadual 4.18 di atas, tahap persetujuan yang paling ramai iaitu seramai 14 orang responden yang mewakili 56% adalah sangat setuju **bahawa Kursus Pengurusan bilik darjah yang dianjurkan oleh pihak sekolah dapat membantu menambah ilmu dan kemahiran.** Dan responden yang paling sedikit ialah tidak setuju iaitu seorang responden yang mewakili 4%. Justeru itu, tahap persetujuan responden secara keseluruhannya ialah setuju iaitu seramai 22 orang guru yang mewakili 88%.

Jadual 4.19 : Kursus amat jarang dilakukan

Tahap Persetujuan	Bilangan	Peratus (%)
Valid Sangat tidak setuju	4	16.0
Tidak setuju	11	44.0
Tidak pasti	2	8.0
Setuju	8	32.0
Jumlah	25	100.0

Berdasarkan jadual 4.19 di bawah, tahap persetujuan yang paling ramai iaitu bilangan seramai 11 orang responden yang mewakili 44% adalah tidak setuju **kursus yang anjurkan oleh pihak sekolah adalah amat jarang diadakan.** Dan responden yang paling sedikit ialah tidak pasti 2 orang responden yang mewakili 8%. Justeru itu, tahap persetujuan responden secara keseluruhannya ialah tidak setuju iaitu seramai 15 orang guru yang mewakili 60%.

Jadual 4.20 : Tempat serta masa diadakan tidak dapat membantu meningkat motivasi guru

Tahap Persetujuan		Bilangan	Peratus (%)
Valid	Sangat tidak setuju	3	12.0
	Tidak setuju	12	48.0
	Tidak pasti	5	20.0
	Setuju	3	12.0
	Sangat setuju	2	8.0
	Jumlah	25	100.0

Berdasarkan jadual 4.20 di bawah, tahap persetujuan yang paling ramai iaitu bilangan seramai 12 orang responden yang mewakili 48% adalah tidak setuju **bahawa tempat dan masa kursus yang dianjurkan oleh pihak sekolah tidak dapat membantu meningkat motivasi guru**. Responden yang paling sedikit ialah sangat setuju iaitu 2 orang responden yang mewakili 8%. Justeru itu, tahap persetujuan responden keseluruhannya tidak setuju seramai 15 orang guru yang mewakili 60%.

Jadual 4.21 : Statistik deskriptif bagi Sub-topik bahagia persepsi guru terhadap kaedah pelaksanaan kursus pengurusan kelas yang diadakan oleh pihak sekolah

No	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah
		STS 1	TS 2	TP 3	S 4	S 5	
1	Kursus pengurusan Kelas yang diadakan oleh pihak sekolah adalah dapat membantu menambah ilmu dan kemahiran	2 8.0%	1 4.0%	0 0.0%	8 32.0%	14 56.0%	25 100%
2	kursus pengurusan Kelas yang diadakan jarang diadakan	4 16.0%	11 44.0%	2 8.0%	8 32.0%	0 00.0%	25 100%
3	Tempat& masa kursus diadakan tidak dapat membantu meningkat motivasi guru	3 12.0%	12 48.0%	5 20.0%	3 12.0%	2 8.0%	25 100%

Berdasar Jadual statistik 4.21 di atas, melalui sub-topik menunjukkan 56% bersetuju persepsi guru terhadap pelaksanaan kursus perguruan dapat membantu menambah ilmu dan kemahiran, sementara 60% persepsi bahawa kursus kerap kali diadakan dan juga 60% menunjukkan kursus diadakan dapat membantu meningkat motivasi guru

Jadual 4.22 Bilangan pelajar dalam satu kelas adalah selesa

Tahap Persetujuan	Bilangan	Peratus (%)
Valid	Sangat tidak setuju	1
	Tidak setuju	3
	Tidak pasti	1
	Setuju	12
	Sangat setuju	8
	Jumlah	25
		100.0

Berdasarkan jadual 4.22 di bawah, tahap persetujuan yang paling ramai iaitu bilangan seramai 12 orang responden yang mewakili 48% adalah setuju bahawa **bilangan murid dalam satu kelas adalah selesa**. Dan responden yang paling sedikit ialah sangat tidak setuju iaitu 1 orang responden yang mewakili 4% dan yang tidak pasti juga 1 orang iaitu 4%. Justeru itu, tahap persetujuan responden secara keseluruhannya ialah setuju iaitu seramai 20 orang guru yang mewakili 80%.

Jadual : 4.23 Bilik pembelajaran yang luas dan selesa.

Tahap Persetujuan	Bilangan	Peratus (%)
Valid	Sangat tidak setuju	1
	Tidak setuju	5
	Tidak pasti	1
	Setuju	13
	Sangat setuju	5
	Jumlah	25
		100.0

Berdasarkan jadual 4.23 di bawah ini, tahap persetujuan yang paling ramai ialah seramai 13 orang responden iaitu yang mewakili sebanyak 52% bersetuju bahawa **bilik kelas pembelajaran adalah luas dan selesa**. Responden yang paling sedikit ialah 1

orang responden yang mewakili 4% “sangat tidak setuju” dan yang “tidak pasti” juga adalah 1orang iaitu bersamaan 4%. Justeru itu, responden secara keseluruhannya iaitu seramai 18 orang guru yang mewakili 72% adalah setuju bahawa bilik kelas pembelajaran adalah luas dan selesa.

Jadual 4.24 Waktu pembelajaran yang selesa

Tahap Persetujuan		Bilangan	Peratus (%)
Valid	Sangat tidak setuju	1	4.0
	Tidak setuju	3	12.0
	Tidak pasti	1	4.0
	Setuju	13	52.0
	Sangat setuju	7	28.0
	Jumlah	25	100.0

Berdasarkan jadual 4.24, tahap persetujuan yang paling ramai adalah seramai 13 orang responden yang mewakili 52% bersetuju bahawa **waktu pembelajaran selesa dan sesuai**. Responden yang paling sedikit ialah sangat tidak setuju iaitu 1 orang responden bersamaan 4% dan yang tidak pasti juga adalah 1 orang bersamaan 4%. Justeru itu, tahap persetujuan responden secara keseluruhannya iaitu seramai 20 orang guru yang mewakili 80% adalah setuju.

Jadual 4.25: Terdapat kemudahan bahan yang membantu proses pengajaran dan pembelajaran disediakan pihak sekolah

Tahap Persetujuan		Bilangan	Peratus (%)
Valid	Sangat tidak setuju	1	4.0
	Tidak setuju	11	44.0
	Tidak pasti	4	16.0
	Setuju	6	24.0
	Sangat setuju	3	12.0
	Jumlah	25	100.0

Berdasarkan jadual 4.25, tahap persetujuan yang paling ramai ialah seramai 11 orang responden bersamaam 44% **adalah tidak setuju bahawa kemudahan bahan membantu proses P&P disediakan oleh pihak sekolah.** Responden yang paling sedikit ialah sangat tidak setuju iaitu 1 orang responden bersamaan 4% dan yang tidak pasti juga adalah 1 orang bersamaan 4%. Justeru itu, tahap persetujuan responden secara keseluruhannya adalah tidak setuju iaitu seramai 12 orang guru bersamaan 48%.

Jadual : 4.26 Kaedah yang anda guna pakai ketika mengajar adalah sesuai dan berkesan

	Tahap Persetujuan	Bilangan	Peratus (%)
Valid	Sangat tidak setuju	1	4.0
	Tidak setuju	2	8.0
	Tidak pasti	4	16.0
	Setuju	15	60.0
	Sangat setuju	3	12.0
	Jumlah	25	100.0

Berdasarkan jadual 4.26, tahap persetujuan yang paling ramai ialah seramai 15 orang responden yang mewakili 60% adalah setuju **bahawa kaedah yang diguna pakai oleh guru ketika mengajar adalah berkesan.** Responden yang paling sedikit ialah sangat tidak setuju iaitu 1 orang responden yang mewakili 4%. Justeru itu, tahap persetujuan responden secara keseluruhannya ialah setuju iaitu seramai 18 orang guru yang mewakili 72%.

Jadual 4.27 : Anda sentiasa mempelbagaikan kaedah pengajaran

	Tahap Persetujuan	Bilangan	Peratus (%)
Valid	Sangat tidak setuju	1	4.0
	Tidak setuju	2	8.0
	Tidak pasti	1	4.0
	Setuju	17	68.0
	Sangat setuju	4	16.0
	Jumlah	25	100.0

Berdasarkan jadual 4.27, tahap persetujuan yang paling ramai iaitu seramai 17 orang responden yang mewakili 68% **adalah setuju bahawa guru mempelbagaikan kaedah pengajaran**. Responden yang paling sedikit ialah sangat tidak setuju iaitu 1 orang responden yang mewakili 4% dan sama dengan responden yang tidak pasti iaitu 4%. Justeru itu, tahap persetujuan responden secara keseluruhannya ialah tidak setuju iaitu seramai 21 orang guru yang mewakili 86%.

Jadual : 4.28 Anda sering memberi peluang kepada murid untuk mencuba.

Tahap Persetujuan		Bilangan	Peratus (%)
Valid	Sangat tidak setuju	1	4.0
	Tidak setuju	1	4.0
	Setuju	17	68.0
	Sangat setuju	6	24.0
	Jumlah	25	100.0

Berdasarkan jadual 4.28, tahap persetujuan yang paling ramai ialah seramai 17 orang responden yang mewakili 68% adalah setuju **bahawa guru sering memberi peluang kepada murid untuk mencuba**. Responden paling sedikit ialah sangat tidak setuju iaitu yang mewakili 4% sama dengan tidak setuju iaitu seorang bersamaan 4%. Tahap persetujuan responden secara keseluruhannya ialah tidak setuju iaitu seramai 23 orang yang mewakili 92%.

Jadual 4.29 statistik deskriptif bagi Sub-topik bahagia B item 7 berhubung persepsi guru terhadap pelaksanaan pengurusan kelas pengajian al-Qur'an.

No	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah
		STS 1	TS 2	TP 3	S 4	S 5	
1	Bilangan pelajar dalam satu kelas adalah selesa	1 4.0%	3 12.0%	1 4.0%	12 48.0%	8 32%	25 100%

Sambungan Jadual 4.29

No	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah
		STS 1	TS 2	TP 3	S 4	S 5	
2	Bilik pembelajaran yang luas dan selesa.	1 4.0%	5 20.0%	1 4.0%	13 52.0%	5 20.0%	25 100%
3	Waktu pembelajaran yang selesa	1 4.0%	3 12.0%	1 4.0%	13 52.0%	7 28.0%	25 100%
4	Terdapat kemudahan bahan yang membantu proses pengajaran dan pembelajaran disediakan pihak sekolah	1 4.0% %	11 44.0%	4 16.0%	6 24.0%	3 12.0%	25 100%
5	Kaedah yang anda guna pakai ketika mengajar adalah sesuai dan berkesan	1 4.0%	2 8.0%	4 16.0%	15 60.0%	3 12.0%	25 100%
6	Anda sentiasa mempelbagaikan kaedah pengajaran	1 4.0%	2 8.0%	1 4.0%	17 68.0%	4 16.0%	25 100%
7	Anda sering memberi peluang kepada murid untuk mencuba.	1 4.0%	1 4.0%	0 0.0%	17 68.0%	6 24.0%	25 100

Berpandu Jadual 4.26 di atas menunjukkan 80% bersetuju bilangan pelajar dalam satu kelas adalah selesa, di samping 72% menunjukkan bilik pembelajaran yang luas dan selesa, adapun waktu pembelajaran lebih memberi keselesaan meningkat 80%, sedangkan 48% guru kurang dapat kemudahan bahan yang membantu proses pengajaran dan pembelajaran disediakan pihak sekolah, adapun kaedah yang guru guna pakai ketika mengajar adalah sesuai dan berkesan menunjukkan persetujuan 72%, guru juga sentiasa mempelbagaikan kaedah pengajaran tahap persetujuan 84% dan 92% menunjukkan guru memberi peluang kepada murid untuk mencuba yang paling tinggi dalam sup-topik.

4.3.3 Bahagian C : Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Kurikulum al-Qur'ān

Jadual 4.30 : Adakah anda menekankan adab-adab membaca al-Qur'ān kepada murid-murid?

Perkara		Bilangan	Peratus (%)
Valid	Tidak	2	8.0
	Ya	23	92.0
	Jumlah	25	100.0

Berdasarkan jadual 4.30 di atas, tahap persetujuan yang paling ramai ialah seramai 23 orang responden yang mewakili 92% adalah setuju bahawa **guru memberi penekanan adab-adab membaca al-Qur'ān kepada murid-murid**. Responden yang paling sedikit ialah tidak setuju iaitu 2 orang responden yang mewakili 8%. Justeru itu, tahap persetujuan responden secara keseluruhannya ialah setuju.

Jadual 4.31 : Kaedah yang sering diguna ketika mengajar al-Qur'ān

Perkara		Bilangan	Peratus (%)
Valid	Talāqqī Musyāfahah	16	64.0
	Kaedah Berpasangan (rakan sebaya)	1	4.0
	Kaedah Halaqah	6	24.0
	lain-lain	2	8.0
	Jumlah	25	100.0

Berdasarkan jadual 4.31 di atas, tahap persetujuan yang paling ramai ialah seramai 16 orang responden yang mewakili 64% adalah sangat setuju bahawa **kaedah Musyāfahah ialah kaedah yang sering digunakan oleh guru al-Qur'ān ketika mengajar dalam kelas**. Seterusnya kaedah Halaqah seramai 6 orang guru sahaja bersamaan 24%. Adapun responden yang paling sedikit ialah seorang sahaja iaitu mewakili 4%. Justeru itu, tahap persetujuan responden secara keseluruhannya ialah bersetuju dengan kaedah *Talāqqī Musyāfahah*.

Jadual 4.32: Kaedah yang anda gunakan ketika menyemak hafazan.

	Perkara	Bilangan	Peratus (%)
Valid	Anda mendengar bacaan pelajar dan membetulkan	25	100.0
	Lain-lain	0	0
Total		25	100.0

Berdasarkan jadual 4.32 di atas, tahap persetujuan kesemua guru iaitu bilangan seramai 25 orang responden yang mewakili 100% adalah sangat setuju bahawa **kaedah yang diguna pakai ketika menyemak hafazan murid ialah kaedah mendengar bacaan pelajar dan membetulkan**. Justeru itu, secara keseluruhannya responden bersetuju dengan kaedah tersebut

Jadual 4.33: Kaedah yang sering gunakan ketika mengajar Tajwid

	Perkara	Bilangan	Peratus (%)
Valid	Penyampaian Teori	14	56.0
	Latih Tubi	6	24.0
	Perbincangan	2	8.0
	Lain-lain	3	12.0
Total		25	100.0

Berdasarkan jadual 4.33 di bawah, tahap persetujuan yang paling ramai iaitu seramai 14 orang responden yang mewakili 56% adalah sangat setuju bahawa **kaedah yang sering digunakan ketika mengajar tajwid ialah kaedah penyampaian teori dalam kelas**. Seterusnya kaedah Latih Tubi seramai 6 orang guru iaitu mewakili 24%. Adapun responden yang paling sedikit ialah 2 orang sahaja yang mewakili sebanyak 4% iaitu bersetuju dengan kaedah perbincangan. Justeru itu, secara keseluruhannya responden bersetuju bahawa kaedah Penyampaian Teori adalah kaedah yang berkesan.

Jadual 4.34 : Ilmu-ilmu al-Qur'ān yang dihadapi kesukaran untuk mengajar.

Perkara	Bilangan	Peratus (%)
---------	----------	-------------

Valid	Tilawah	3	12.0
	Hafazan	14	56.0
	Tajwid (teori & praktikal)	8	32.0
Total		25	100.0

Berdasarkan jadual 4.34, tahap persetujuan yang paling ramai ialah seramai 14 orang responden yang mewakili 56% adalah sangat **setuju dengan Ilmu-ilmu al-Qur'an yang dihadapi kesukaran untuk mengajar ialah hafazan.** Seterusnya, ilmu Tajwid sebanyak 32%. Adapun yang paling sedikit ialah 3 orang sahaja yang mewakili 12%. Justeru itu, secara keseluruhannya responden bersetuju bahawa kesukaran yang dihadapi guru adalah mengajar subjek hafazan.

Jadual 4.35 : Tahap pencapaian bacaan dan hafazan al-Qur'an

	Perkara	Bilangan	Peratus (%)
Valid	Berkualiti	8	32.0
	Sederhana	13	52.0
	Lemah	6	24
Total		25	100.0

Berpandukan jadual 4.35, seramai 13 orang responden bersetuju bahawa **tahap pencapaian bacaan dan hafazan al-Qur'an adalah pada tahap sederhana** dan ia mewakili sebanyak 52%. Seterusnya seramai 8 orang bersamaan 32 % bersetuju ia pada tahap berkualiti. Adapun responden yang paling sedikit ialah 6 orang sahaja yang mewakili 24% iaitu bersetuju dengan pencapaian adalah pada tahap paling lemah.

Jadual 4.36 : Kekerapan membuat Perancangan Mengajar Harian.

	Perkara	Bilangan	Peratus (%)
Valid	Setiap hari	18	72.0

kadang-kadang	1	4.0
Mingguan	6	24.0
Total	25	100.0

Berdasarkan jadual 4.36, **tahap persetujuan dengan kekerapan guru membuat perancangan mengajar harian iaitu** seramai 18 orang responden yang mewakili 72% adalah sangat setuju dengan menyediakan RPH setiap hari. Adapun responden yang paling sedikit ialah 1 orang sahaja yang mewakili 4% iaitu yang menyediakan PMH kadang-kadang. Justeru itu, secara keseluruhannya responden bersetuju bahawa persediaan guru dengan buku perancangan adalah pada setiap hari.

Jadual 4.37 : Adakah pengajaran al-Qur’ān anda mengikut Perancangan Mengajar Tahunan (PMT)

Perkara		Bilangan	Peratus(%)
Valid	Mengikut sepenuhnya	16	64.0
	kadang-kadang	7	28.0
	Total	23	92.0
Missing	System	2	8.0
	Total	25	100.0

Berdasarkan jadual 4.37 di atas, tahap persetujuan dengan pengajaran al-Qur’ān guru “mengikut sepenuhnya” rancangan pengajaran tahunan iaitu seramai 16 orang responden yang mewakili 64% adalah **sangat setuju dengan mengikuti sepenuhnya PMT**. Adapun responden yang “kadang-kadang mengikut” adalah seramai 7 orang sahaja yang mewakili 28%. Justeru itu, tahap persetujuan responden secara keseluruhannya adalah mengikut PMT.

Jadual 4.38 : Apakah sikap pihak pentadbiran terhadap program al-Qur’ān?

Perkara		Bilangan	Peratus (%)
Valid	Memberi kerjasama	23	92.0

Tidak memberi kerjasama	1	4.0
Total	24	96.0
Missing System	1	4.0
Total	25	100.0

Berdasarkan jadual 4.38 di atas, tahap persetujuan terhadap sikap pihak pentadbiran berkenaan program al-Quran iaitu seramai 23 orang responden yang mewakili 92% adalah **sangat setuju dengan “sikap memberi kerjasama”**. Adapun responden yang memilih “tidak memberi sokongan” ialah seramai seorang sahaja bersamaan 4%. Justeru itu, tahap persetujuan responden secara keseluruhannya adalah “memberi kerjasama”.

4.4 ANALISIS DATA BAGI MURID

Data ini untuk melihat pelaksanaan dan tahap keberkesanan amalan pembelajaran murid, soalan selidik ini mengandungi empat bahagian sebanyak 30 item , pembahagian seperti berikut ;Bahagian A : Latar belakang murid, bahagian B : Keberkesanan terhadap minat dengan kelas al-Qur'ān, bahagian C : Keberkesanan prestasi murid terhadap pencapaian al-Qur'ān dan bahagian D: Keberkesanan terhadap pelaksanaan kelas pengajaran al-Qur'ān. Soalan tersebut diedarkan kepada 277 responden (murid) yang mewakili darjah 4 hingga darjah 6 jumlah keseluruhannya ialah seramai 586 orang murid dari 3 buah sekolah sampel yang mewakili (56.6%) dari jumlah keseluruhan. Penjelasan selanjutnya mengenai laporan data dan analisis boleh dirujuk pada jadual-jadual dan graf-graf yang dipaparkan di bawah ini.


4.4.1 Bahagian A : Latar belakang Responden Murid

Soalan bahagian A ini berhubung latar belakang responden mengandungi 4 item ialah mengikut jantina, umur, tahap pendidikan, tahap pendidikan ibu bapa dan bidang pekerjaan ibu bapa.

Jadual 4.39 : Jantina

Pelajar	Bilangan	Peratus (%)
Valid	Lelaki	142
	Perempuan	132
	Jumlah	277

Graf 4.06 : Jantina




Berdasar jadual 4.39 dan draf 4.06 menunjukkan bahawa 142 responden dengan peratus 51.8 % terdiri daripada jantina lelaki. Sementara 132 responden dengan peratus 48.2 % adalah terdiri daripada jantina perempuan.

Jadual 4.40: Darjah

Perkara	Bilangan	Peratus(%)
Valid	Darjah 4	23
	Darjah 5	83
	Darjah 6	170
	Jumlah	277

Graf 4.07 : Darjah




Dari jadual 4.40 dan graf 4.07 didapati darjah 6 mewakili responden paling ramai iaitu 170 orang murid (61.4%) diikuti darjah 5 iaitu 83 orang murid (30 %). Mana darjah 4 pula hanya 23 orang (9%) sahaja.

Jadual 4.41 : Pekerjaan Bapa/keluarga

Perkara	Bilangan	Peratus(%)
Valid Kakitangan Kerajaan	84	30.3
Kakitangan Swasta	29	10.5
Berniaga/kerja sendiri	110	39.7
Tidak Bekerja	5	1.8
Guru Agama/ al-Qur'an	10	3.6
Lain-lain	39	13.6
Jumlah	277	100.0

Graf 4.08 : Pekerjaan Bapa/keluarga




Berdasarkan jadual 4.41 dan graf 4.08, didapati bidang pekerjaan ibu bapa, responden yang paling ramai ialah bidang perniagaan atau kerja sendiri iaitu seramai 110 orang (40%), dan bidang yang paling sedikit sekali ialah ibu bapa yang sudah pencil tidak bekerja ialah seramai 5 orang (2%).

Jadual 4.42 : Pendidikan tertinggi ibu bapa

Perkara	Bilangan	Peratus (%)
Valid Ijazah Lanjutan/Tinggi	46	16.6
Ijazah sarjana Muda	65	23.5
Diploma	54	19.5
STPM/ SPM	50	18.1
Tidak Pasti	62	22.4
Jumlah	277	100.0

Graf 4.09 : Pendidikan tertinggi ibu bapa



Berdasarkan jadual 4.42 dan graf 4.09 di bawah. menunjukkan tahap pengajian tertinggi ibu bapa responden yang paling ramai iaitu tahap Ijazah Sarjana Muda ialah sebanyak 65 orang (23%) Terdapat tahap pengajian yang paling sedikit ialah di peringkat pengajian M.A dan PhD seramai 46 orang (17%) . namun begitu ada juga terdapat di

kalangan responden yang tidak pasti tahap pengajian tertinggi tahap pengajian ibu bapa mereka sehingga sampai 62 orang (22%).

4.4.2 Bahagian B : Tahap Minat Responden Murid terhadap Pelaksanaan Pengajian al-Qur'ān Sekolah Rendah Islam Swasta

Soalan-soalan bahagian ini untuk melihat persepsi murid tahap pelaksanaan murid dalam kelas al-Qur'ān berhubung ia mengandungi 8 soalan.

Jadual 4.43 : Saya suka belajar al-Qur'ān


Perkara	Bilangan	Peratus(%)
Valid	Sangat tidak setuju	1 .4
	Kurang setuju	17 6.1
	Setuju	134 48.4
	Sangat setuju	125 45.1
	Jumlah	277 100.0

Berpandukan jadual 4.43 di atas, tahap persetujuan yang paling ramai iaitu bilangan seramai 134 orang responden yang mewakili 48.4% adalah **setuju bahawa murid suka dan minat dengan mata pelajaran al-Qur'ān**. Dan responden yang paling sedikit ialah sangat tidak setuju iaitu seorang responden yang mewakili .4%, tahap persetujuan responden keseluruhannya setuju iaitu seramai 259 orang guru yang mewakili 93.5%.

Jadual 4.44 : Al-Qur'ān adalah mata pelajaran yang mudah dipelajari

Perkara	Bilangan	Peratus (%)
Valid	Sangat tidak setuju	4 1.4
	Tidak setuju	8 2.8
	Kurang setuju	62 22.4
	Setuju	115 41.5
	Sangat setuju	88 31.8
	Jumlah	277 100.0

Graf 4.10 : Tahap persetujuan murid bahawa al-Qur'ān adalah mata pelajaran yang mudah dipelajari



Merujuk kepada jadual 4.44 dan draf 4.10 di bawah, menunjukkan tahap persetujuan yang paling ramai iaitu bilangan seramai 115 orang responden yang mewakili 41.5% adalah **setuju dengan anggapan bahawa mata pelajaran al-Qur'ān mudah dipelajari**. Dan responden yang paling sedikit ialah sangat tidak setuju iaitu 4 orang responden yang mewakili 1.4%, tahap persetujuan responden secara keseluruhannya ialah setuju iaitu 203 orang murid yang mewakili 73.3%.

Jadual 4.45 : Saya suka guru mengajar al-Qur'ān

Perkara	Bilangan	Peratus(%)
Valid		
Sangat tidak setuju	5	1.8
Tidak setuju	2	.7
Kurang setuju	29	10.4
Setuju	106	38.3
Sangat setuju	135	48.7
Jumlah	277	100.0

Berdasarkan jadual 4.45 di atas, tahap persetujuan yang paling ramai iaitu bilangan seramai 135 orang responden yang mewakili 48.7% adalah **sangat setuju bahawa murid suka dan minat dengan guru al-Qur'ān**. Dan responden yang paling sedikit ialah tidak setuju iaitu 2 orang responden yang mewakili .7%, tahap persetujuan

responden secara keseluruhannya ialah setuju iaitu seramai 241 orang murid yang mewakili 87%.

Jadual 4.46: Saya suka mengikuti kelas tambahan al-Qur'ān di sekolah

Perkara	Bilangan	Peratus (%)
Valid	Sangat tidak setuju	6
	Tidak setuju	13
	Kurang setuju	72
	Setuju	110
	Sangat setuju	76
	Jumlah	277
		100.0

